

09 JAN 2004

RAFIDAH-BUKU

PENYERAHAN KUASA PERLIHAT KEKUATAN DAN KEMATANGAN DR MAHATHIR, KATA
RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Kekuatan dan kematangan seseorang pemimpin dilihat dari segi keupayaannya untuk menyerahkan kuasa pada masa yang sesuai, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata pemilihan masa dan kelancaran semasa Tun Dr Mahathir menyerahkan kuasa pemerintahan kepada (Perdana Menteri) Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memperlihatkan ketokohan bekas perdana menteri itu sebagai seorang negarawan.

"Penyerahan kuasa itu yang dilakukan dengan penuh pertimbangan yang cermat menunjukkan fokus Dr Mahathir adalah kepada kepentingan negara dan bukan kepentingan peribadi," katanya ketika melancarkan buku yang bertajuk "Passing the Baton: From Mahathir to Abdullah Ahmad Badawi - A Model for Effective Leadership Succession" di sini, hari ini.

Ucapannya dibacakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir Ho Cheong Sing.

Buku itu ditulis oleh Datuk Dr Ismail Noor, seorang perunding cara pengurusan, penulis dan penceramah.

Rafidah berkata sepanjang kerjayanya, Dr Mahathir bekerja setulus hati untuk kepentingan negara didorong oleh wawasannya untuk menjayakan Malaysia dan memupuk rasa kasih sayang terhadap negara di dalam hati kita semua rakyat.

Menyaksikan bagaimana peralihan kuasa yang lancar kepada Datuk Seri Abdullah, rakyat berkeyakinan penuh bahawa penggantinya akan menjalankan tanggungjawabnya dengan sedaya upaya dan memberi keutamaan kepada kepentingan negara, katanya.

"Dengan pengalamannya yang lama di dalam kerajaan, Abdullah memahami nilai pertimbangan yang berhemat dan tindak balas yang disokong ilmu pengetahuan. Ini jelas dapat dilihat dalam pemilihan masa pelantikan

timbalannya dan rombakan kecil kabinet," katanya.

Rafidah berkata peralihan lancar yang disaksikan negara pada 31 Okt, 2003, merupakan sebahagian besar daripada penghargaan kepada cara Barisan Nasional mentadbir negara.

"Sepanjang cabaran yang terpaksa dihadapi oleh parti-parti komponen selama ini, kami sering meletakkan kepentingan negara terlebih dahulu sebelum parti dan kepentingan sendiri. Disebabkan oleh komitmen kami kepada negaralah kami terus memenangi keyakinan kumpulan pengundi," katanya.

Penulis buku tersebut, Ismail yang berkhidmat dalam perkhidmatan pentadbiran dan diplomatik Malaysia selama beberapa tahun sebelum meletak jawatan untuk menubuhkan firma runding cara pengurusan sendiri berkata, buku "Passing the Baton" adalah berkisar dua orang tokoh menjadi pemimpin negara bertaraf antarabangsa.

"Apa yang lebih penting, ianya mengenai modus operandi bagi penggantian kepimpinan. Saya melihatnya, cara bagi peralihan yang sebenar oleh Dr Mahathir, yang saya rujuk sebagai proses tujuh langkah, bermula daripada pemilihan dan pengumuman calon pengganti hinggalah kepada masa, apabila beliau melepaskan jawatan pada 31 Okt, 2003, seperti yang dijanjikan," katanya.

Ismail berkata pandangannya adalah isu penggantian kepimpinan itu pastinya adalah satu daripada perkara yang paling mendapat perhatian dalam sejarah politik dan sosial moden, sama ada di peringkat tempatan, serantau mahupun antarabangsa.

Hanya 1,000 salinan buku itu, edisi khas, dicetak dan setiap satu berharga RM100. -- BERNAMA

TNS KTC ZK